

Kemahiran Asas Menulis Perkataan Bahasa Arab di kalangan Pelajar UiTM Pahang

Saiful Johari Musahar^{1*}, Nur Afiqah Amanina Kamaruzzaman², Roselina Musahar³, dan Fauzi Azmi⁴

Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA Pahang, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia

¹abuwaajdde@pahang.uitm.edu.my, ²nurafiqahamanina@gmail.com,
³roselina@pahang.uitm.edu.my, ⁴fawwaz@pahang.uitm.edu.my

Abstrak: Bahasa Arab mempunyai jenis tulisan yang rumit dan unik dalam sistem penulisannya. Untuk mengeja dan menyambung huruf-huruf Arab ini memerlukan pembelajaran secara khusus berkaitan huruf-huruf Arab ini melalui latihan kemahiran menulis. Ini kerana huruf-huruf Arab memiliki bentuk-bentuk karakter penulisan yang berbeza pada setiap huruf dan masih ramai dalam kalangan pelajar yang mengalami kesukaran untuk menulis khususnya dalam menyambung huruf-huruf Arab dari satu huruf kepada huruf lain. Kajian ini adalah bertujuan mengenalpasti kesilapan pelajar dalam asas penulisan bahasa Arab berdasarkan huruf hijaiyah yang boleh disambung sebelumnya dan tidak boleh disambung selepasnya, huruf hijaiyah yang boleh disambung sebelum dan selepas, dan huruf hijaiyah yang terdiri daripada huruf hamzah (ء) secara umumnya tidak boleh disambung dan menyambung dalam satu perkataan. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah soal selidik. Oleh itu, diharapkan kajian ini dapat membantu pelajar memahami tentang asas penulisan bahasa Arab dalam kemahiran menulis.

Kata Kunci: Bahasa Arab, Asas Penulisan, Huruf Hijaiyah, Kemahiran Menulis.

1. Pendahuluan

Bahasa Arab merupakan bahasa Al-Quran dan Al-Hadith. Untuk menguasai bahasa Arab secara mendalam adalah menjadi keperluan kepada setiap pelajar mempelajari empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Kemahiran berbahasa ini dipelajari secara berperingkat secara satu persatu agar setiap kemahiran dapat dikuasai satu persatu. Aspek kemahiran ini perlu ditekankan dalam mempelajari bahasa. Ini kerana ia merupakan kunci utama untuk memperolehi bahasa.

Kemahiran Menulis Bahasa Arab

Kemahiran menulis merupakan kemahiran terakhir yang perlu dikuasai oleh seseorang individu dalam mempelajari bahasa. Menurut Ku Fatahiyah et al (2014) kemahiran menulis melibatkan pancaindera seperti pergerakan mata untuk melihat, pergerakan tangan untuk menulis dan juga kepintaran otak. Kemahiran menulis ini boleh dibahagikan kepada tiga bidang utama, iaitu tulisan huruf, khat atau menulis perkataan dan karangan. Menurut Zamri dan Mohamed Amin (2003), kemahiran menulis pelajar ditingkatkan melalui kepelbagaian strategi kemahiran menulis seperti aktiviti penulisan. Kemahiran menulis menjadi satu keperluan yang perlu dikuasai oleh pelajar. Hal ini kerana, menurut Ismail Muhamad et al. (2013) perkara pertama yang perlu dikuasai oleh pelajar dalam sistem penulisan bahasa Arab adalah bermula dengan pengenalan huruf hijaiyah. Perlu diberikan perhatian dari segi huruf hijaiyah secara tunggal, huruf hijaiyah bersambung, kemudian huruf hijaiyah yang akan membentuk satu perkataan dan seterusnya menjadi satu ayat yang lengkap. Ini jelas menunjukkan bahawa kemahiran menulis bahasa arab perlu dipelajari secara khusus daripada peringkat paling asas kepada peringkat yang kompleks bagi mendedahkan pelajar tentang sistem penulisan dalam bahasa Arab.

Pengertian Huruf Hijaiyah

Huruf hijaiyah merupakan huruf atau karakter yang digunakan dalam bahasa Arab terdiri daripada 29 jenis huruf yang berbeza (Fragil Putra, 2015). Huruf hijaiyah memiliki bentuk-bentuk khusus seperti setiap huruf mempunyai dua sampai empat bentuk tulisan yang hampir sama tergantung pada posisi huruf pada suatu kata. Setiap huruf hijaiyah yang ditulis untuk menjadikan satu perkataan yang lengkap dan memerlukan pengetahuan tentang penulisan setiap jenis huruf Arab bagi setiap kata yang ditulis dalam bentuk sama ada bersambung dan tidak bersambung. Setiap satu huruf hijaiyah jika digabungkan dengan huruf hijaiyah yang lain akan membentuk satu perkataan. Setiap perkataan memiliki maknanya tersendiri apabila digabungkan dengan huruf hijaiyah yang lain. Seterusnya menimbulkan kekeliruan kepada pelajar terutama bagi mereka yang masih baru mengenal huruf hijaiyah. Oleh itu, sangat penting untuk setiap pelajar didedahkan dengan kaedah sistem penulisan huruf hijaiyah bagi memudahkan penulisan bahasa Arab dikalangan pelajar.

2. Pernyataan Masalah

Menurut Ismail Muhamad et al (2013) menulis adalah satu proses penghasilan simbol-simbol grafik yang disusun berdasarkan pertuturan bagi membentuk perkataan-perkataan dan seterusnya menjadikan satu ayat yang lengkap. Namun begitu, penghasilan setiap simbol grafik ini tidak dapat dibentuk apabila pelajar tidak menguasai sistem penulisan sesuatu bahasa dengan baik. Sistem penulisan huruf hijaiyah hampir sama dengan sistem penulisan Jawi namun terdapat beberapa huruf yang berbeza bagi kedua-dua sistem penulisan tersebut. Menurut Ahmad Faisal dan Noralina (2009) iaitu dapatan kajian mendapati tulisan Jawi tidak dapat dikuasai sepenuhnya oleh pelajar disebabkan oleh beberapa kekangan seperti kekeliruan sistem ejaan dalam kemahiran menulis. Pelajar keliru terhadap sistem ejaan Jawi semasa menulis kerana terdapat beberapa huruf yang hampir sama dan penulisannya yang begitu kompleks dan berbeza dengan bahasa ibunda mereka. Selain itu, menurut Siti Fatimah (2013) menyatakan antara kesalahan yang sering dilakukan oleh pelajar dalam penulisan bahasa Arab adalah kesilapan menulis huruf Arab sama ada boleh disambung atau tidak boleh disambung dan kekeliruan pelajar dalam membentuk huruf Arab apabila ia berada di awal kalimah, di tengah kalimah dan di hujung kalimah. Seterusnya, pelajar menghadapi kekeliruan dalam menulis huruf Arab Hijaiyah semasa menulis dan terdapat berbagai kesilapan ketika menulis huruf tersebut khususnya untuk huruf Arab yang boleh disambung dan tidak boleh disambung.

3. Metodologi

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Kajian ini telah dijalankan di sebuah Universiti Teknologi Mara Kampus Jengka, Pahang melibatkan seramai 200 orang pelajar terdiri daripada pelajar yang mengambil subjek bahasa Arab sebagai bahasa ketiga. Bagi mendapatkan data, kajian ini menggunakan kaedah soal selidik. Data yang diperolehi menggunakan kaedah peratusan frekuensi untuk menganalisis data-data tentang latar belakang akademik pelajar dan mengukur kemahiran menulis bahasa Arab pelajar.

Jadual 1 : Taburan responden berdasarkan pengalaman belajar bahasa Arab

Pengalaman Belajar Bahasa Arab	F	%
1 hingga 4 tahun	146	73.0
5 hingga 10 tahun	40	40.0
11 hingga 20 tahun	14	7.0
Jumlah	200	100.0

Berdasarkan jadual 1 diatas, pecahan responden mengikut pengalaman belajar bahasa Arab itu 1 hingga 4 tahun, 5 hingga 10 tahun dan 11 hingga 20 tahun. 1 hingga 4 tahun adalah sebanyak 146 orang pelajar (73.0%), manakala 5 hingga 10 tahun seramai 40 orang pelajar (40.0%) dan 11 hingga 20 tahun adalah seramai 14 orang pelajar (7.0%) sahaja. Kajian ini mendapati jumlah responden bagi pengalaman belajar bahasa Arab antara 1 hingga 4 tahun adalah melebihi responden terdiri daripada 5 hingga 10 tahun dan 11 hingga 20 tahun pengalaman belajar bahasa Arab.

Jadual 2 : Taburan responden berdasarkan pelajar mengikuti pembelajaran JQAF di peringkat sekolah rendah

	F	%
Ya	161	80.5
Tidak	39	19.5%
Jumlah	200	100

Berdasarkan jadual 2 diatas, jumlah responden pernah mengikuti pembelajaran JQAF di peringkat sekolah rendah adalah seramai 161 orang menjawab ya (80.5%) iaitu pernah mengikuti pembelajaran JQAF di peringkat sekolah rendah, manakala seramai 39 orang menjawab tidak (19.5%) iaitu tidak mengikuti pembelajaran JQAF di peringkat sekolah rendah. Kajian mendapati bahawa jumlah responden yang menyatakan ya adalah majoriti responden seramai 161 orang pernah mengikuti pembelajaran JQAF di peringkat sekolah rendah.

4. Dapatan Soal Selidik Pelajar

Dapatan Kajian ini adalah terdiri daripada 12 soalan berhubung kemahiran asas menulis perkataan bahasa Arab yang mana ia memfokuskan kepada tiga bahagian utama antaranya adalah:

1. Kesilapan asas pelajar dalam penulisan bahasa Arab berdasarkan huruf hijaiyah yang boleh disambung sebelumnya dan tidak boleh disambung selepasnya

Jadual 3: Teknik menulis huruf ijaiyah (ل) yang boleh disambung sebelumnya dan tidak boleh disambung selepasnya

ج - ا - م - ع - ة - ي			
(د)جامعتي	(ج)جامعتي	(ب)جامع تي	(ا)جام عتي
7.5%	89.5%	1.5%	1.5%
Min: 3.03			
SP: 0.38			

Jadual 3 menunjukkan dapatan berhubung huruf hijaiyah yang boleh disambung sebelum dan tidak boleh disambung selepasnya. Berdasarkan jadual tersebut, soalan yang dinyatakan adalah perkataan "جامعتي" iaitu ia membawa makna "universiti saya". Soalan ini mempunyai empat pilihan jawapan yang mana pelajar perlu memilih salah satu daripadanya untuk menentukan ejaan perkataan tersebut seterusnya ia akan menentukan sejauh mana pengetahuan pelajar dalam kemahiran menulis asas penulisan bahasa Arab. Daripada hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai 179 orang pelajar (89.5%) memilih untuk menjawab pilihan "ج" iaitu "جامعتي". Manakala selebihnya terdapat 3 orang pelajar (1.5%) memilih untuk menjawab pilihan (أ) dan pilihan (ب) seterusnya seramai 15 orang pelajar (7.5%) memilih untuk menjawab pilihan (د).

Kajian mendapati seramai 179 orang pelajar menjawab dengan betul bagi ejaan tersebut iaitu memilih pilihan "جامعتي" sebagai jawapan. Manakala terdapat 3 orang pelajar yang memilih jawapan (أ) iaitu "جام عتي" dan 3 orang pelajar yang memilih jawapan (ب) "جامع تي" iaitu 15 orang memilih jawapan (د) iaitu "جامعتي". Ini menunjukkan bahawa majoriti responden terdiri daripada 179 orang pelajar mengetahui ejaan penulisan huruf (ل) ditengah kalimah. Namun begitu, masih terdapat 21 orang pelajar yang masih keliru dalam mengeja penulisan huruf (ل) di tengah kalimah dengan memilih jawapan selain jawapan "جامعتي".

Jadual 4: Teknik menulis huruf hijaiyah (ر) yang boleh disambung sebelumnya dan tidak boleh disambung selepasnya

م - ر - ح - ب - ا			
(د)مرحبا	(ج)مرحبا	(ب)مرحبا	(ا)مرحبا
1.0%	1.5%	1.0%	96.5%
Min: 1.07			
SP: 0.39			

Jadual 4 menunjukkan soalan berhubung huruf hijaiyah yang boleh disambung sebelum dan tidak boleh disambung selepasnya (ر). Berdasarkan jadual tersebut, soalan yang dinyatakan adalah perkataan "مرحبا". Soalan ini mempunyai empat pilihan jawapan yang mana pelajar perlu memilih salah satu daripadanya untuk menentukan ejaan perkataan tersebut seterusnya ia akan menentukan sejauh mana pengetahuan pelajar dalam kemahiran menulis asas penulisan bahasa Arab. Daripada hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai 193 orang pelajar (96.5%) memilih untuk menjawab pilihan (أ) iaitu "مرحبا". Manakala selebihnya terdapat 2 orang pelajar (1.0%) memilih untuk menjawab pilihan (ب) dan (د) seterusnya seramai 3 orang pelajar (1.5%) menjawab pilihan (ج).

Kajian mendapati seramai 193 orang pelajar menjawab dengan betul bagi ejaan tersebut iaitu memilih pilihan "مرحبا" sebagai jawapan. Manakala terdapat 2 orang pelajar yang memilih jawapan (ب) iaitu "مرحبا" dan 2 orang pelajar yang memilih jawapan (د) iaitu "مرحبا" iaitu 3 orang memilih jawapan (ج) iaitu "مرحبا". Ini menunjukkan bahawa majoriti responden terdiri daripada 193 orang pelajar mengetahui ejaan penulisan huruf (ر) pada kalimah. Namun begitu, masih terdapat 7 orang pelajar yang masih keliru dalam mengeja penulisan huruf (ر) di pada kalimah dengan memilih jawapan selain jawapan "مرحبا".

2. Kesilapan asas pelajar dalam ejaan penulisan bahasa Arab berdasarkan huruf hijaiyah yang boleh disambung sebelum dan selepas

Jadual 5 : Teknik menulis huruf hijaiyah (ت) yang boleh disambung sebelum dan selepasnya

ا - ل - ب - ي - ت			
(د)البيت	(ج)البيت	(ب)البيت	(أ)البيت
79.0%	13.5%	4.5%	3.0%
Min: 3.69			
SP: 0.69			

Jadual 5 menunjukkan soalan berhubung huruf hijaiyah yang boleh disambung sebelum dan tidak boleh disambung selepasnya (ت). Berdasarkan jadual tersebut, soalan yang dinyatakan adalah perkataan "البيت" iaitu ia membawa makna "rumah". Soalan ini mempunyai empat pilihan jawapan yang mana pelajar perlu memilih salah satu daripadanya untuk menentukan ejaan perkataan tersebut seterusnya ia akan menentukan sejauh mana pengetahuan pelajar dalam kemahiran menulis asas penulisan bahasa Arab. Daripada hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai 158 orang pelajar (79.0%) memilih untuk menjawab jawapan yang betul dengan membuat pilihan pada jawapan pada pilihan (د). Manakala selebihnya terdapat 6 orang pelajar (3.0%) memilih untuk menjawab pilihan (أ) dan 9 orang pelajar (4.5%) memilih jawapan (ب) seterusnya seramai 27 orang pelajar (13.5%) menjawab pilihan (ج).

Kajian mendapati seramai 158 orang pelajar menjawab dengan betul bagi ejaan tersebut iaitu memilih pilihan "البيت" sebagai jawapan. Manakala terdapat 6 orang pelajar yang memilih jawapan (أ) iaitu "البيت" dan 9 orang pelajar yang memilih jawapan (ب) iaitu "البيت" iaitu 27 orang memilih jawapan jim iaitu "البيت". Ini menunjukkan bahawa majoriti responden terdiri daripada 158 orang pelajar mengetahui ejaan penulisan huruf

(ت) pada kalimah. Namun begitu, masih terdapat 7 orang pelajar yang masih keliru dalam mengeja penulisan huruf (ت) pada kalimah dengan memilih jawapan selain jawapan " البيت " .

Jadual 6 : Teknik menulis huruf hijaiyah (ك) yang boleh disambung sebelum dan selepasnya

ا - ل - م - ك - ت - ب - ة	(ب) المكتبة	(ا) المكتبة
(ج) المكتبة	93.0%	3.5%
Min: 2.90		
SP: 0.40		

Jadual 6 menunjukkan soalan berhubung huruf hijaiyah yang boleh disambung sebelum dan selepasnya iaitu berdasarkan huruf (ك) yang boleh disambung sebelum dan selepasnya. Berdasarkan jadual tersebut, soalan yang dinyatakan adalah perkataan " المكتبة " iaitu ia membawa makna "perpustakaan". Soalan ini mempunyai empat pilihan jawapan yang mana pelajar perlu memilih salah satu daripadanya untuk menentukan ejaan perkataan tersebut seterusnya ia akan menentukan sejauh mana pengetahuan pelajar dalam kemahiran menulis asas penulisan bahasa Arab. Daripada hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai 186 orang pelajar (93.0%) memilih untuk menjawab jawapan yang betul iaitu pilihan (ج) iaitu المكتبة. Manakala selebihnya terdapat 7 orang pelajar (3.5%) memilih untuk menjawab pilihan (أ) dan (ب).

Kajian mendapati seramai 186 orang pelajar menjawab dengan betul bagi ejaan tersebut iaitu memilih pilihan " المكتبة " sebagai jawapan. Manakala terdapat 7 orang pelajar yang memilih jawapan (أ) iaitu " المكتبة " dan 7 orang memilih jawapan (ب) iaitu " المكتبة ". Ini menunjukkan bahawa majoriti responden terdiri daripada 186 orang pelajar mengetahui ejaan penulisan huruf (ك) ditengah kalimah. Namun begitu, masih terdapat 2 orang pelajar yang masih keliru dalam mengeja penulisan huruf (ك) di tengah kalimah dengan memilih jawapan selain jawapan " المكتبة " .

Jadual 7 : Soalan berdasarkan teknik penulisan ta' marbutoh (ة)

ص - د - ي - ق - ة - ي	(ب) صديقتي	(ا) صديقتي
(ج) صديق تي	5.5%	86.0%
Min: 1.97		
SP: 0.37		

Jadual 7 menunjukkan soalan berhubung huruf hijaiyah yang boleh disambung sebelum dan selepasnya iaitu ejaan penulisan ta' marbutoh (ة). Berdasarkan jadual tersebut, soalan yang dinyatakan adalah perkataan " صديقتي " iaitu ia membawa makna "kawan saya". Daripada hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai 172 orang pelajar (86.0%) memilih untuk menjawab pilihan (ب). Manakala selebihnya terdapat 17 orang pelajar (8.5%) memilih untuk menjawab pilihan (أ) dan 11 orang pelajar (5.5%) memilih jawapan (ج).

Kajian mendapati seramai 172 orang pelajar menjawab dengan betul bagi ejaan tersebut iaitu memilih pilihan " صديقتي " sebagai jawapan. Manakala terdapat 17 orang pelajar yang memilih jawapan (أ) iaitu " صديقتي ", 11 orang pelajar memilih jawapan (ج) iaitu " صديق تي ". Ini menunjukkan bahawa majoriti responden terdiri daripada 172 orang pelajar mengetahui ejaan penulisan ta' marbutoh (ة) di tengah kalimah. Namun begitu, masih terdapat 15 orang pelajar yang masih keliru dalam mengeja ta' marbutoh di tengah kalimah dengan memilih jawapan selain " صديقتي " .

3. Kesilapan asas pelajar dalam ejaan penulisan bahasa Arab huruf hijaiyah terdiri daripada huruf hamzah (ء) secara umumnya tidak boleh disambung dan menyambung.

Jadual 8 : Teknik menulis huruf hijaiyah hamzah (أ) di tengah kalimah ditulis di atas alif.

م - س - أ - ل - ة	
(ب)مسألة	(ا)مسألة
99.0%	1.0%
Min: 1.99	
SP: 0.10	

Jadual 8 menunjukkan soalan berhubung penulisan hamzah ditengah kalimah ditulis diatas alif (أ). Berdasarkan jadual tersebut, soalan yang dinyatakan adalah perkataan "مسألة" iaitu ia membawa makna "masalah". Soalan ini mempunyai empat pilihan jawapan yang mana pelajar perlu memilih salah satu daripadanya untuk menentukan ejaan perkataan tersebut seterusnya ia akan menentukan asas kemahiran menulis bahasa Arab pelajar. Daripada hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai 198 orang pelajar (99.0%) memilih untuk menjawab jawapan yang betul iaitu pilihan (ب) "مسألة". Manakala selebihnya terdapat 2 orang pelajar (1.0%) memilih untuk menjawab pilihan (أ).

Kajian mendapati seramai 198 orang pelajar menjawab dengan betul bagi ejaan tersebut iaitu memilih pilihan "مسألة" sebagai jawapan. Manakala terdapat 2 orang pelajar yang memilih jawapan (أ) iaitu "مسألة". Ini menunjukkan bahawa majoriti responden terdiri daripada 198 orang pelajar mengetahui ejaan penulisan hamzah ditengah kalimah yang ditulis diatas alif. Namun begitu, masih terdapat 2 orang pelajar yang masih keliru dalam mengeja penulisan hamzah di tengah kalimah yang ditulis di atas alif dengan memilih jawapan selain jawapan "مسألة".

Jadual 9 : Teknik menulis hamzah (أ) (ا)

ق - ر - أ - ت			
(د)قرئت	(ج)قرئت	(ب)قرئت	(ا)قرئت
0.0%	4.0%	91.0%	5.0%
Min:1.99			
SP: 0.30			

Jadual 9 menunjukkan soalan berhubung ejaan penulisan hamzah Qatha' (أ). Berdasarkan jadual tersebut, soalan yang dinyatakan adalah perkataan "قرئت" iaitu ia membawa makna "saya telah membaca". Daripada hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai 182 orang pelajar (91.0%) memilih untuk menjawab pilihan jawapan yang tepat iaitu pilihan (ب). Manakala selebihnya terdapat 10 orang pelajar (5.0%) memilih untuk menjawab pilihan (أ) seterusnya seramai 8 orang pelajar (4.0%) menjawab pilihan (ج).

Kajian mendapati seramai 182 orang pelajar menjawab dengan betul bagi ejaan tersebut iaitu memilih pilihan "قرئت" sebagai jawapan. Manakala terdapat 10 orang pelajar yang memilih jawapan (أ) iaitu "قرئت", dan seramai 8 orang pelajar memilih jawapan (ج) iaitu "قرئت". Ini menunjukkan bahawa majoriti responden terdiri daripada 182 orang pelajar mengetahui ejaan penulisan hamzah Qatha' pada kalimah. Namun begitu, masih terdapat 28 orang pelajar yang masih keliru dalam mengeja penulisan hamzah Qatha' di tengah kalimah dengan memilih jawapan selain jawapan "قرئت".

Jadual 10 : Teknik menulis huruf hamzah di tengah kalimah di atas nabroh ya' (ئ)

ت - ق - ر - ئ - ي - ن			
(د)تقرئين	(ج)تقرئين	(ب)تقرئين	(ا)تقرئين
3.5%	65.0%	20.0%	11.5%
Min : 2.61			
SP: 0.73			

Jadual 10 menunjukkan soalan berhubung huruf hamzah di tengah kalimah diatas nabroh ya' yang mana ia boleh disambung sebelum dan selepasnya. Berdasarkan jadual tersebut, soalan yang dinyatakan adalah perkataan "تقرئين" iaitu ia membawa makna "kamu membaca". Daripada hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai 130 orang pelajar (65.0%) memilih untuk menjawab pilihan yang betul iaitu pilihan (ج). Manakala selebihnya terdapat 23 orang pelajar (11.5%) memilih untuk menjawab pilihan (أ) dan 40 orang pelajar (20.05) memilih jawapan (ب) seterusnya seramai 7 orang pelajar (3.5%) menjawab pilihan (د).

Kajian mendapati seramai 130 orang pelajar menjawab dengan betul bagi ejaan tersebut iaitu memilih pilihan "تقرئين" sebagai jawapan. Manakala terdapat 23 orang pelajar yang memilih jawapan (أ) iaitu "تقرئين", dan 40 orang pelajar memilih jawapan (ب) iaitu "تقرئين", dan seramai 7 orang pelajar memilih jawapan "تقرئين". Ini menunjukkan bahawa majoriti responden terdiri daripada 130 orang pelajar mengetahui ejaan penulisan hamzah di tengah kalimah nabroh ya'. Namun begitu, masih terdapat 70 orang pelajar yang masih keliru dalam mengeja penulisan hamzah di tengah kalimah nabroh ya' dengan memilih jawapan selain jawapan "تقرئين".

Jadual 11: teknik penulisan hamzah di tengah perkataan iaitu huruf hamzah ditulis dengan sendiri.

ك - ف - ا - ع - ة		
(ج)كفاءة	(ب)كفاءة	(ا)كفاءة
46.0%	2.0%	52.0%
Min: 1.94		
SP: 0.99		

Jadual 11 menunjukkan soalan berhubung huruf hijaiyah yang boleh disambung sebelum dan tidak boleh disambung selepasnya iaitu berdasarkan ejaan bagi penulisan hamzah ditengah kalimah iaitu huruf hamzah ditulis dengan sendiri. Berdasarkan jadual tersebut, soalan yang dinyatakan adalah perkataan "كفاءة". Daripada hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai 92 orang pelajar (46.05) memilih untuk menjawab pilihan betul iaitu pilihan (ج). Manakala selebihnya terdapat 104 orang pelajar (52.0%) memilih untuk menjawab pilihan (أ) dan 4 orang pelajar (2.0%) memilih pilihan (ب).

Kajian mendapati seramai 92 orang pelajar menjawab dengan betul bagi ejaan tersebut iaitu memilih pilihan (ج) iaitu "كفاءة" sebagai jawapan. Manakala terdapat 104 orang pelajar yang memilih jawapan (أ) iaitu "كفاءة", dan 4 orang pelajar memilih jawapan (ب) iaitu "كفاءة". Ini menunjukkan bahawa majoriti responden terdiri daripada 104 orang pelajar yang salah dalam memilih ejaan bagi penulisan hamzah ditengah kalimah iaitu huruf hamzah ditulis dengan sendiri.

Jadual 12 : Teknik menulis huruf alif maqsurah (ى)

س - ل - و - ي			
(د) سلوى	(ج) سلوى	(ب) سل وى	(ا) سلوي
4.0%	82.5%	2.0%	11.5%
Min: 2.79			
SP: 0.69			

Jadual 12 menunjukkan soalan berdasarkan ejaan penulisan huruf alif maqsurah (ى) Berdasarkan jadual tersebut, soalan yang dinyatakan adalah perkataan " سلوى " iaitu ia membawa makna "salwa". Daripada hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai 165 orang pelajar (82.5%) memilih untuk menjawab pilihan (ج). Manakala selebihnya terdapat 23 orang pelajar memilih untuk menjawab pilihan (أ) (11.5%) dan 4 orang pelajar (2.0%) memilih pilihan (ب) seterusnya seramai 8 orang pelajar (4.0%) menjawab pilihan (د).

Kajian mendapati seramai 165 orang pelajar menjawab dengan betul bagi ejaan tersebut iaitu memilih pilihan " سلوى " sebagai jawapan. Manakala terdapat 23 orang pelajar yang memilih jawapan (أ) iaitu " سلوي ", dan 4 orang pelajar memilih jawapan (ب) iaitu " سل وى ", dan seramai 8 orang pelajar memilih jawapan (د) " سلوى ". Ini menunjukkan bahawa majoriti responden terdiri daripada 165 orang pelajar mengetahui ejaan penulisan hamzah di tengah kalimah nabroh ya'. Namun begitu, masih terdapat 35 orang pelajar yang masih keliru dalam mengeja penulisan huruf alif maqsurah (ى) memilih jawapan selain jawapan " سلوى ".

Jadual 13: Teknik menulis huruf alif mamdudah (اء)

ص - ح - ر - ا - ء		
(ج) صحراء	(ب) صح راء	(ا) صحراً
72.0%	3.5%	24.5%
Min: 2.48		
SP: 0.86		

Jadual 13 menunjukkan soalan berhubung ejaan penulisan huruf alif mamdudah (اء) . Berdasarkan jadual tersebut, soalan yang dinyatakan adalah perkataan " صحراء " iaitu ia membawa makna "padang pasir". Daripada hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai 144 orang pelajar (72.0%) memilih untuk menjawab pilihan yang betul iaitu memilih pilihan (ج). Manakala selebihnya terdapat 49 orang pelajar (24.5%) memilih untuk menjawab pilihan (أ) dan 7 orang pelajar (3.5%) memilih jawapan (ب).

Kajian mendapati seramai 144 orang pelajar menjawab dengan betul bagi ejaan tersebut iaitu memilih pilihan " صحراء " sebagai jawapan. Manakala terdapat 49 orang pelajar yang memilih jawapan (أ) iaitu " صحراً ", dan 7 orang pelajar memilih jawapan (ب) iaitu " صح راء ". Ini menunjukkan bahawa majoriti responden terdiri daripada 144 orang pelajar mengetahui ejaan penulisan alif mamdudah. Namun begitu, masih terdapat 56 orang pelajar yang masih keliru dalam mengeja penulisan alif mamdudah dengan memilih jawapan selain " صحراء ".

Jadual 14 : Soalan berdasarkan ejaan penulisan hamzah di tengah kalimah diatas huruf waw

م - و - م - ن			
(د) موءمن	(ج) مئمن	(ب) مؤمن	(ا) مأمن
5.0%	1.0%	92.5%	1.5%
Min: 2.10			
SP: 0.46			

Jadual 14 menunjukkan soalan berhubung huruf hamzah (ء) diatas huruf و. Berdasarkan jadual tersebut, soalan yang dinyatakan adalah perkataan " مؤمن" iaitu ia membawa makna "orang beriman". Daripada hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai 185 orang pelajar (92.5%) memilih untuk menjawab pilihan (ب) iaitu مؤمن. Manakala selebihnya terdapat 3 orang pelajar (1.5%) memilih untuk menjawab pilihan (أ) dan 2 orang pelajar (1.0%) memilih jawapan (ج) seterusnya seramai 10 orang pelajar (5.0%) menjawab pilihan (د).

Kajian mendapati seramai 185 orang pelajar menjawab dengan betul bagi ejaan tersebut iaitu memilih pilihan " مؤمن" sebagai jawapan. Manakala terdapat 3 orang pelajar yang memilih jawapan alif iaitu "مأمن", 2 orang pelajar memilih jawapan (ج) iaitu "مؤمن", dan seramai 10 orang memilih jawapan pilihan (د) iaitu "مؤمن". Ini menunjukkan bahawa majoriti responden terdiri daripada 185 orang pelajar mengetahui penulisan hamzah ditengah kalimah diatas huruf و. Namun begitu, masih terdapat 15 orang pelajar yang masih keliru dalam mengeja huruf ء diatas kalimah و dengan memilih jawapan selain " مؤمن".

5. Kesimpulan

Kemahiran asas menulis perkataan dalam arab merupakan satu perkara asas yang perlu dikuasai terlebih dahulu oleh setiap pelajar kerana kemahiran ini dapat membantu seorang pelajar menguasai penulisan perkataan arab dengan betul sebelum mencapai ke tahap penulisan yang berkualiti. Sistem penulisan dalam bahasa Arab terdiri daripada huruf hijaiyah. Ia merupakan salah satu proses berfikir pelajar dalam menyusun perkataan mengikut asas kemahiran menulis yang dimiliki oleh mereka untuk membentuk tulisan. Sistem penulisan bahasa Arab mempunyai tulisan yang unik dan bentuk yang berbeza jika dibandingkan dengan tulisan bahasa yang lain. Bentuk-bentuk yang khusus ini boleh mengelirukan pelajar kerana terdapat beberapa huruf hijaiyah yang hampir sama namun setiap jenisnya adalah berbeza walaupun kelihatan hampir sama contohnya seperti huruf ح ح dan خ. Setiap pelajar perlu mempelajari sistem ejaan huruf hijaiyah secara khusus daripada peringkat asas kepada peringkat kompleks kerana huruf hijaiyah ini bermula dengan huruf tunggal dan kemudiannya ia boleh bercantum dengan huruf lain menjadikan ia satu perkataan. Hal ini menyebabkan pelajar keliru bagaimana huruf-huruf ini ditulis apabila hendak disambungkan dengan huruf yang lain. Oleh itu, hasil dapatan daripada kajian ini dapat membantu para pendidik untuk dilakukan lagi penambahbaikan dan membantu dalam meningkatkan kaedah pengajaran mereka berkaitan kemahiran menulis bahasa Arab pelajar. Menerusi hasil dapatan kajian ini, pengkaji turut mencadangkan pembelajaran menerusi penggunaan "e-book" yang mana terdapat modul berhubung kemahiran asas menulis perkataan bahasa Arab khusus untuk para pelajar yang tidak mempunyai asas untuk menulis perkataan bahasa seterusnya ia dapat membantu dalam meningkatkan kemahiran menulis bahasa Arab di dalam kalangan pelajar.

6. Rujukan

- Ahmad Faisal & Noralina Abdullah. 2009. Penguasaan Tulisan Jawi Di Kalangan Mahasiswa Pengajian Islam: Kajian Di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Tempatan. *Jurnal Al-Tamaddun, Bil. 4 (2009) 145 – 156.*
- Fragil Putra. 2015. Aplikasi Pengenalan Karakter Huruf Hijaiyah Untuk Pendidikan Anak Usia Dini (Paud). Universitas Nusantara PGRI Kediri.
- Ismail Muhamad, Wan Maizatul Akmar Wan Ahmad & Azman Che Mat. (2013). Sikap dan realiti penguasaan kemahiran bahasa Arab pelajar program j-QAF. *GEMA OnlineTM Journal of Language Studies, 13(2), 81-97.*
- Ku Fatahiyah, Awatif Abd Rahman & Hairun Najuwah. 2014. Tahap Kemahiran Asas Bahasa Arab di IPT Malaysia. *Journal of Education. Kolej Universiti Antarabangsa Selangor.*
- Siti Fatimah Saad. 2013. Kaedah Pengajaran Kemahiran Menulis Bahasa Arab Di Peringkat Sekolah Rendah. *Proceeding of the International Conference on Social Science Research, ICSSR 2013. 4-5 June 2013, Penang, MALAYSIA.*
- Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. 2003. Strategi pembelajaran bahasa pelajar sekolah menengah. *Jurnal Bahasa, 3(2): 263-319.*